



**KENYATAAN AKHBAR KEDUA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**ISU KOPI PRACAMPUR DISYAKI MENGANDUNGI BAHAN KIMIA  
TERLARANG**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan perkembangan terkini mengenai isu kopi pracampur yang didakwa mengandungi bahan kimia terlarang. Di samping lima orang, dua orang lagi telah menerima rawatan pada 3 Februari 2018 selepas meminum kopi pracampur (Penang White Coffee) berjenama Coffee Tree keluaran Daily Recipe Industries (M) Sdn. Bhd.

Hasil verifikasi oleh KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di kilang pengeluaran produk tersebut mendapati kilang berkenaan mempunyai program jaminan keselamatan makanan. Di samping itu, hasil analisis mengesahkan produk-produk makanan yang dihasilkan oleh kilang tersebut tidak mengandungi bahan yang dilarang di bawah Akta Makanan 1983.

Seperti mana kes Kopi Pracampur Perisa Durian, pemerhatian KKM juga menunjukkan terdapat kesan bahagian bawah bungkusan kopi berkenaan yang telah dibuka dan ditampal semula serta terdapat perbezaan berat bungkusan dan warna kopi dengan produk asal.

Sekali lagi, pengguna adalah dinasihatkan berhati-hati terutamanya dalam menerima produk makanan secara percuma atau dari sumber yang meragukan.

Di bawah subseksyen 13(1), Akta Makanan 1983, mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM 100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau hubungi KKM melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq).

**YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**6 Februari 2018**